

08 JUN 1997

Anwar - Pimpinan (Bergambar)

PEMIMPIN SELEWENG TIADA TEMPAT DALAM UMNO, KATA ANWAR

ALOR SETAR, 8 Jun (Bernama) -- Pemangku Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali lagi menegaskan bahawa tiada tempat dalam parti bagi anggota yang seleweng dan tindakan untuk menghapus penyelewengan akan diteruskan tanpa tolak-ansur.

"Kita tidak boleh lagi bertolak-ansur setelah berkali-kali amaran diberikan," katanya ketika berucap pada upacara meletakkan batu asas bangunan Umno bahagian Jerlun, di Air Hitam, dekat sini hari ini.

Anwar, yang juga Pemangku Perdana Menteri, mengingatkan anggota parti termasuk dalam parti komponen Barisan Nasional dan para pegawai kerajaan agar tidak memandang ringan amaran tersebut.

Katanya, agenda utama kerajaan dan Umno sekarang bukan sahaja untuk menentukan ekonomi negara terus melonjak naik malahan mahu menjamin kewibawaan dengan memberi penekanan kepada keperibadian seseorang pimpinan.

Anwar menolak andaian sesetengah pihak yang mendakwa Majlis Tertinggi Umno tidak memberikan pertimbangan secukupnya semasa membuat keputusan memecat ataupun menggantung seseorang yang disyaki melakukan penyelewengan ataupun rasuah.

"Kalau orang kata tidak bagi pertimbangan, saya cukup tidak bersetuju," kata Radidah.

Beliau berkata Umno mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menyeleweng untuk dijadikan iktibar kepada parti komponen BN dan pegawai-pegawai kerajaan.

Katanya, apabila tindakan diambil terhadap pimpinan Umno yang rasuah dan menyeleweng, pimpinan dalam komponen BN dan pegawai kerajaan akan faham bahawa "Umno dan kerajaan bukannya gelanggang untuk seseorang berbuat sesuka hatinya."

Anwar berkata bahawa tindakan yang diambil terhadap sebilangan tokoh parti akhir-akhir ini merupakan langkah tegas untuk membersihkan Umno daripada gejala yang boleh melemahkan parti dan negara.

Beliau berkata: "Perdana Menteri sebelum bercuti berpesan kepada saya bahawa ketegasan membanteras rasuah tidak harus ada tolak-ansur, baik melibatkan pemimpin dalam Umno mahupun komponen BN serta pegawai tinggi kerajaan.

Anwar mengingatkan anggota parti bahawa Umno di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjamin kesinambungan perjuangan untuk membela nasib masyarakat serta mempertahankan dan meninggikan syiar Islam, di samping menjamin keadilan untuk semua kaum di Malaysia.

Katanya, pucuk pimpinan parti mahu melihat Umno terus kukuh dan pemimpinnya memahami kenyataan bahawa mereka memikul amanah untuk membela nasib rakyat.

"Apa akan jadi kepada orang Melayu jika yang harus menjadi wakil menjaga kepentingan kita, pecah amanah atau menyeleweng serta menggunakan kuasa untuk memperkayakan diri dan keluarga mengeneppikan tanggungjawab kepada masyarakat."

Menurutnya, ekonomi negara tidak mungkin mapan dan pembangunan tidak mungkin terjamin sekiranya moral dan akhlak pemimpin dan masyarakat rendah, kata beliwu.

"Kita perlu menjamin pimpinan kita bersih kerana kita tidak mahu berlaku seperti di sesetengah negara, apabila ekonomi meningkat maka mula timbul kerenah rasuah dan penyelewengan di kalangan pimpinan," kata beliau..

Atas kesedaran dan kebimbangan itulah, pucuk pimpinan Umno merasakan tindakan tegas berterusan perlu diambil untuk membersihkan parti daripada gejala tidak sihat itu.

Anwar, yang dalam lawatan kerja setengah hari ke Kedah, kemudian meninjau kemajuan projek ternakan udang Samak Aquaculture Sdn Bhd, syarikat usahasama kerajaan negeri dan Bin Ladin Group dari Arab Saudi, sebelum melawat Perlis.

Terdahulu, beliau merasmikan mesyuarat agung tahun Persatuan Nelayan Kuala Kedah dan melancarkan Tabung Ikhtiar Nelayan (TIN), di Kuala Kedah pagi tadi. -- BERNAMA

MFJ FAZ